

Program Outreach UMS beri kesan dua hala

Uraian 8/6/2011 26

KINABATANGAN 7 Jun - Dalam usaha melahirkan bakal guru yang cemerlang, Universiti Malaysia Sabah (UMS) bergerak proaktif dengan menganjurkan program memperkasaikan pendidikan dalam komuniti di kawasan luar bandar.

Program empat hari melibatkan 30 penuntut Sarjana Pendidikan dan Sarjana Muda Pendidikan itu diadakan di Sekolah Kebangsaan Tidung, Tabin di sini.

Pengerusi Program, Dr. Khalid Johari berkata, program yang dijalankan itu telah memberi impak dua hala kepada penduduk dan peserta.

Jelasnya, program itu juga mendapat sambutan yang amat menggalakkan apabila lebih 70 penduduk kampung menyertai sepenuhnya aktiviti yang diadakan.

"Sambutan yang membanggakan daripada kalangan penduduk Kampung Tidung Tabin, Ladang Tomanggong dan Kampung Litang di sini menunjukkan perubahan besar dalam arus pembangunan pendidikan luar bandar.

"Saya yakin program ini akan memberi kesan yang besar terhadap



DR. Khalid Johari (berdiri lima dari kiri) bersama sebahagian pelajar UMS yang menyertai program memperkasa pendidikan dalam komuniti di kawasan luar bandar di SK. Tidung Tabin, Kinabatangan, baru-baru ini.

kemajuan bidang pendidikan serta membantu UMS meraih hasil yang positif melalui program bakti siswa di luar bandar," katanya, di sini hari ini.

Menurutnya, pelbagai aktiviti yang dilakukan itu merupakan program bakti siswa UMS yang bertujuan membantu masyarakat luar bandar menjana pembangunan pendidikan.

Jelasnya, antara aktiviti utama yang dilaksanakan adalah membina pondok yang akan dijadikan sebagai pusat pembelajaran bermaklumat kepada pelajar selain pelbagai prog-

ram melibatkan masyarakat kampung dan mahasiswa.

"Antaranya adalah majlis suai kenal, program masuk kampung, gotong-royong amal bakti dan aktiviti berkonsepkan pendidikan bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam matematik, bahasa Inggeris dan sains.

"Majlis diwarnai dengan persembahan kebudayaan tradisi oleh masyarakat tempatan dan penuntut dalam usaha merealisasikan gagasan IMalaysia," katanya.

Tambahnya, bagi memberi keseimbangan, penduduk juga berpeluang menghadiri ceramah pembangunan ekonomi dalam bidang perikanan yang disampaikan oleh Ko-Nelayan Sandakan.

Dalam pada itu, Pengarah Program, Ruslan Mapeala berkata, pengalaman yang dilalui peserta amat berkesan dalam usaha melahirkan pendidik yang cemerlang.

"Pengalaman awal melalui perjalanan lebih 12 jam termasuk menaiki bot dan menyusuri jalan ladang kelapa sawit amat mencabar kesabaran dan ketahanan fizikal serta mental peserta," ujarnya.